

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	28 AUGUST 2016

Kenyataan Dr M undang perpecahan

→ Konsep Bangsa Johor
berbeza dalam pelbagai aspek

Oleh S Anand Kumar dan
Mohd Fahmi Mohd Yusof
bhjb@bh.com.my

► Pengerang

Kenyataan Tun Dr Mahathir Mohamad kononnya semangat Bangsa Johor tidak sihat dan membawa perpecahan adalah satu kesilapan besar.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata sebaliknya kenyataan bekas Perdana Menteri itu sendiri yang menjurus kepada perpecahan, kebencian dan menjatuhkan kepimpinan.

Justeru, Menteri Pertahanan itu menegaskan akan terus menyokong konsep Bangsa Johor dan mengingatkan semua pihak untuk tidak mengaitkannya dengan Kesultanan Johor.

“Saya lihat dia (Dr Mahathir) tidak konsisten (mengeluarkan kenyataan). Beberapa hari lalu beliau minta maaf pada Raja-Raja Melayu kerana pinda Perlembagaan dan itu kita sokong.

“(Minggu ini) beliau membawa hal (keluarkan kenyataan yang mengaitkan) dengan Sultan Johor pula. Saya lihat beliau cakap tak serupa bikin dan mengundang nahas,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Mesyuarat UMNO Bahagian Pengerang di sini, semalam.

Hairan sikap Dr Mahathir

Sementara itu, Ahli Majlis Tertinggi UMNO yang Ketua UMNO Bahagian Pengerang, Datuk Seri Azalina Othman Said, hairan dengan sikap Dr Mahathir yang mempersoalkan konsep Bangsa Johor yang tidak melanggar undang-undang.

“Dr Mahathir jangan lupa sumbangan dan sokongan UMNO Johor sewaktu zaman pemerintahan, kejatuhan dan krisis yang pernah dihadapi beliau dahulu kerana pada masa itu UMNO Johor sentiasa berada di belakangnya,” katanya.

Ahli Parlimen Johor Bahru, Tan Sri Shahrir Samad, pula berkata semua pihak perlu mengaiki bahawa Johor mempunyai pendekatan berlainan dalam pelbagai aspek berbanding negeri lain.

“Soal dia (Dr Mahathir) membuat kenyataan mengenai Bangsa Johor mungkin ada sebab, kemungkinan sebab dia anjur konsep 'Bangsa Malaysia' dan konsep menerusi Wawasan 2020 itu kurang kedengaran pada masa sekarang dan tiada sambutan yang kuat,” katanya.

VBH - 28/8/2016